



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 3

RABU 18HB. JANUARI, 1978.

رابو 8 صفر 1398

PERCHUMA

415 lulus pereksa bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kira2 415 orang chalon kelas dewasa bahasa Inggeris seluruh negeri telah lulus dalam peperiksaan bahasa Inggeris yang telah di-adakan dalam bulan Nobember 1977 yang lalu.

Mereka ada-lah di-antara 653 orang chalon berkenaan yang menduduki peperiksaan tersebut bagi kelas2 dewasa bahasa Inggeris peringkat rendah dan menengah di-seluruh negeri.

Peperiksaan tersebut telah di-jalankan di-32 buah pusat peperiksaan di-seluruh daerah negeri ini iaitu 19 buah di-Daerah Brunei dan Muara, 4 buah di-Belaït, 7 buah di-Tutong dan 2 buah di-Temburong.

Chalon2 yang lulus akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan.



PEMANGKU Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib (gambar atas) telah meninjau Kursus Latehan bagi graduate2 yang baharu berkhidmat yang telah di-mulakan di-Pusat Latehan di-Bandar Seri Begawan pada

hari Isnin.

Kursus tersebut ada-lah salah satu dari lapan kursus bagi pegawai2 Kerajaan yang di-ranchang oleh Yunit Latehan Pejabat Perjawatan sa-panjang tahun ini.

Sa-ramai 25 orang graduate yang baharu berkhidmat

dengan Kerajaan DYMM menyertai kursus sa-lama lima hari itu.

Sa-bagai memulakan kursus pada pagi itu, Ketua Yunit Latehan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif (kiri) telah memberikan penerangan mengenai tujuan2 di-adakan kursus dan seterusnya menyam-

paikan cheramah-nya yang bertajuk "Peranan dan Tanggong-jawab Pegawai2 Awam Serta Hubungan-nya Dengan Orang Ramai."

Sa-lain dari itu, beberapa orang pegawai kanan Kerajaan juga memberikan cheramah dalam berbagai tajuk.

Lesen alat2 menangkap ikan hendak-lah di-baharui

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengaroh Perikanan mengingatkan nelayan2 bahawa semua alat2 menangkap ikan mesti-lah mempunyai lesen pada tiap2 awal tahun.

Kata-nya, lesen2 hendaklah di-baharui dengan sa-beberapa segera kerana nelayan2 yang menggunakan alat2 yang tidak mempunyai lesen boleh di-dakwa di-bawah Undang2 Perikanan 1972 dan alat itu boleh di-rampas.

Nelayan2 juga di-ingatkan bahawa sa-tiap pemegang lesen boleh mendapatkan hanya satu lesen andang sahaja dan menggunakan lebih dari satu andang bagi satu lesen ada-lah tidak di-benarkan.

Lesen2 itu boleh di-dapati dari Jabatan Perikanan Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari Isnin dan Sabtu sa-masa waktu bekerja.

Pegawai2 Melesen juga akan berada di-Pejabat Laut Tutong pada tiap2 hari Selasa; di-Pejabat Kastam Lama, Muara pada tiap2 hari Rabu dan di-Pejabat Daerah Belaït pada tiap2 hari Khamis.

Nelayan2 boleh membarui lesen2 mereka di-pusat2 itu mulai dari jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

RANG UNDANG2 BAGI MELINDONGI PELANCHONG2 DI-LULUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu kawalan yang lebih terator ka-atas usaha2 pelanchongan di-negeri ini akan di-perkembangkan lagi oleh Kerajaan dalam sedikit masa lagi yang mana akan melindungi kepentingan2 perjalanan orang2 yang melanchong dari dalam dan luar negeri.

Kawalan tersebut akan di-kuatkuasakan menerusi Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan, 1977 yang baru2 ini telah di-luluskan oleh Kerajaan menerusi Majlis Mashuarat Negeri yang telah menamatkan persidangan-nya pada hari Rabu, 11hb Januari lepas.

Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan 1977 itu telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib dalam persidangan di-hari kesepuluh ia-nya di-jalankan.

Dalam membentangkan usul-nya di-persidangan itu, Yang Berhormat Dato Setia

Awang Abdul Rahman berkata dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-chara yang terhad telah chuba memperkembangkan kemungkinan2 yang terdapat dalam usaha2 pelanchongan di-negeri ini.

Tambah-nya, meski pun pada peringkat ini kita tidak bermaksud untuk memberikan galakan yang sa-habis-nya seperti hal-nya dengan negeri2 lain di-sekeliling kita untuk usaha demikian, namun pelanchong2 maseh tetap datang ka-negeri ini, seperti yang terdapat ada sa-ramai 469 orang yang melanchong ka-negeri ini dalam tahun 1971 dan ia-nya meningkat kepada lebih 3,000 orang dalam tahun 1975.

Menurut Yang Berhormat itu lagi, menerusi hasil perangkaan yang dapat di-kesan sa-jauh ini, bilangan pelanchong2 yang meningkat dalam tahun 1975 itu, ada-lah di-jangka akan bertambah dengan kadar purata lebih 10 peratus sa-

tahun dalam masa2 akan datang.

Di-samping itu sejak tertubuh-nya Sharikat Penerbangan Diraja Brunei rayat dan penduduk negeri ini telah juga berupaya untuk melanchong keluar negeri di-mana mengikut perangkaan ada terdapat lebih 80 ribu orang penumpang telah membuat penerbangan melanchong dengan penerbangan tersebut jelas Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

Dengan ada-nya kegiatan pelanchongan yang meningkat itu, tambah Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman sa-terus-nya, maka tidak dapat di-sangkal lagi tumbuh-nya sa-bilangan besar ejen2 pelanchongan di-negeri ini yang pada ketika ini sudah terdapat lebih 50 buah sharikat ejen pelanchongan yang menjalankan perniagaan mereka.

Kerana itu, beliau berpendapat jumlah tersebut ada-lah sangat besar jika di-bandingkan dengan negeri kita yang sa-kecil ini, dan

memandangkan hal ini-lah satu kawalan yang tertentu ada-lah di-harapkan akan dapat mengator kegiatan2 sharikat tersebut, supaya dengan ini pelanchong2 dari luar negeri akan dapat melihat keindahan alam dan kebudayaan negeri ini untuk di-bawa balek sa-bagai kenangan mereka nanti.

"Kawalan2 tersebut juga ada-lah di-harapkan untuk menentukan supaya kepentingan2 pelanchong2 penduduk negeri ini keluar negeri akan dapat di-pertahankan dari ejen2 pelanchongan yang hanya akan menitik-beratkan kepentingan2 mereka sahaja", jelas Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman.

"Untuk tujuan demikian, maka Undang2 Ejen2 Pelanchongan ini ada-lah mempersharatkan ejen2 pelanchongan dapat di-leseni dan urusan2 perniagaan mereka dan dapat di-ator dengan sempurna dan berkesan", kata-nya lagi.

Lihat muka 12

Lesen anjing

LESEN2 Anjing bagi tahun 1978 sekarang boleh di-dapati di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belaït dan Seria, pada bila2 waktu hari bekerja, tetapi tidak lewat dari jam 2.30 petang.

Lesen bagi sa-ekor anjing jantan ia-lah \$3.00 dan anjing betina pula sa-banyak \$5.00.

Lesen2 Anjing yang di-perolehi bagi tahun 1978 hendaklah di-gantungkan dengan sa-utas "collar" ka-leher2 anjing. Anjing2 yang di-dapati tidak mempunyai tanda2 tersebut sa-lepas 9hb Mach, 1978 akan di-musnahkan pada bila2 masa oleh Lembaga ini.

Peluang untuk ikuti kursus praktikal

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara akan menganjorkan tiga kursus praktikal sa-lama sa-tahun mulai 1hb Februari depan.

Kursus2 tersebut ia-lah pertukangan kayu, pemasangan batu bata dan menchat (rumah).

Pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ada-lah di-pelawa untuk mengikut kursus2 tersebut. Pemohon2 mesti-lah lu-

lus tidak kurang dari Darjah Enam Melayu atau Tingkatan Satu Sekolah Inggeris.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan di-asrama dan sa-telah menamatkan kursus sa-lama enam bulan, mereka akan di-berikan alaan sa-banyak \$45.00 sa-bulan.

Bahasa Melayu akan di-gunakan sa-bagai bahasa pengantar dalam kursus tersebut.

Borang2 permohonan sekarang boleh di-dapati dari Pengetua Sekolah tersebut.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

ANWAR
RASHID
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

18HB JANUARI, 1978.

BEBERAPA RANG UNDANG2 DI-LULUS

DALAM musim permashuaratan ke-15, Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu itu, beberapa rang undang2 telah di-luluskan dengan sa-bulat suara tanpa pindaan2, antara-nya: Rang Undang2 Perjalanan Udara, 1977; Undang2 Buroh (Pindaan), 1977; Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan) 1977; Undang2 Perlindungan Binatang Liar, 1977; Undang2 Penjara, 1977 dan Undang2 Wakil2 Ejen Pelanchongan, 1977.

Berdasarkan keterangan2 yang terkandung dalam rang undang2 tersebut, terutama sekali Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan), 1977 ada-lah demi kebaikan kedua2 belah pihak antara majikan dan pekerja2-nya dan begitu juga Undang2 Buroh (Pindaan), 1977 yang bertujuan untuk menghapuskan perbezaan pekerja bumiputera supaya mereka itu di-bolekan untuk bekerja dengan majikan bagi tempoh yang sama seperti pekerja2 yang lain; ada-lah satu-nya undang2 yang amat mengembirakan terutama kaum pekerja kita di-negeri ini.

Rang Undang2 Wakil2 Ejen Pelanchongan umpama-nya, mengatorkan atau menyediakan sa-seorang mendapatkan hak perjalanan dan tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan wakil ejen melainkan ia-nya hendak-lah memegang sesuatu lesen yang dibenarkan kepada-nya atau bagi pekah-nya.

Undang2 Penjara pula ada-lah merupakan sa-bagai suatu rahmat bagi penjaga atau pegawai2 penjara dan juga bagi banduan — yang mana penjara ada-lah di-sifatkan sa-bagai tempat pemulihan dan bukan-lah ia-nya sa-bagai neraka bagi banduan2 dan seumpama-nya.

Tidak ada yang hendak di-ragukan atau di-wahamkan dalam sa-tiap rang undang2 yang telah di-luluskan itu, pada hakikat-nya, memang sudah masa-nya bagi Kerajaan mengubal, meminda atau memansuhkan mana2 yang tidak sesuai itu untuk di-sesuai-kan dengan keadaan masa dan zaman.

Kerajaan tidak boleh menjalankan sesuatu itu tanpa undang2, dari sebab itu ada-lah suatu langkah yang amat bijaksana dan menunjukkan satu lagi kemajuan telah di-chapai oleh Kerajaan pada memperkenankan undang2 yang sesuai bagi rakyat dan negeri Brunei dan juga antarabangsa.

Kewahaman di-takuti banyak undang2 tidak teungkayah atau tidak berjalan dengan tegas, itu ada-lah suatu perkara lain dan undang2 itu sendiri boleh menghukum sa-seorang yang menyeleweng atau menyalah-gunakan undang2 itu jika thabit kesalahan, boleh di-hukum atau di-denda atau kedua2-sekali.

Pada musim permashuaratan yang akan datang, mungkin ada beberapa lagi rang undang2 untuk di-kemukakan, semata2 demi kebaikan serta kesejahteraan rakyat dan negeri — sesuai-lah Majlis Mashuarat Negeri yang mulia itu pada setengah2-nya di-gelar juga Majlis Mashuarat Undangan (Dewan Undangan).

DARI DEWAN MAJLIS M. NEGERI

BEBERAPA PROJEK BESAR SEDANG DI-SELENGGARAKAN DI-BAWAH RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

SEKARANG beraleh kepada soal Kemajuan, Ahli2 Yang Berhormat akan menyedari bahawa ranchangan lima tahun yang baru telah di-jangka akan memerlukan perbelanjaan berjumlah \$700 juta, tetapi sekarang ada-lah di-putuskan supaya angka ini di-tambah menjadi Br\$760 juta ia-itu bagi menemui kenaikan harga barang2 dan perkembangan2 yang perlu bagi ranchangan2 yang tertentu bagi merangkum perkara2 yang keperluan bagi-nya hanya ketara sa-lepas sekim2 itu di-mulakan.

Ada-lah di-jangkakan bahawa Perbelanjaan yang sebenarnya daripada Kumpulan Wang Kemajuan dalam tahun 1977 akan berjumlah sa-banyak \$110 juta dan baki kredit Kumpulan Wang ini pada penutup tahun akan menjadi \$85 juta. Anggaran Perbelanjaan ka-atas projek2 Kemajuan dalam tahun 1978 ia-lah sa-banyak \$208 juta dan ada-lah di-chadangkan supaya di-pindahkan sa-jumlah \$160 juta kepada Kumpulan Wang ini daripada Hasil Pendapatan dalam tahun 1978. Oleh yang demikian jumlah yang tersedia dalam Kumpulan Wang ini akan berjumlah \$245 juta dan sa-harus-nya-lah terdapat satu baki kredit dalam Kumpulan Wang tersebut pada 31hb Disember 1978 yang berjumlah \$37 juta.

Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1978 yang di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Kertas Bil. 1 dalam persidangan Majlis ini mengandungi butir2 susunan Perbelanjaan Kemajuan yang di-jangkakan berjumlah \$208 juta. Dengan merujuk kepada Anggaran2 ini, Ahli2 Yang Berhormat akan dapat memperhatikan chorak am perbelanjaan dan chara bagaimana ranchangan lima tahun yang baru sedang di-laksanakan. Beberapa kemajuan juga telah tercapai karah penyediaan pelbagai projek2 di-bawah ranchangan ini.

Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah pun siap di-bena dan kumpulan pertama peladang muda telah mendapatkan ijazah mereka tahun ini. Ranchangan bagi mengeluarkan binatang2 ternakan sedang giat di-laksa-

BERIKUT ia-lah siri terakhir ucapan Pegawai Kewangan Negara, Y. B. Pehin Orang Kaya Khaznah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan usol Anggaran Belanjawan bagi tahun 1978 dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri.

nakan sa-bagaimana juga hal-nya dengan ranchangan Tali Ayer di-kawasan2 yang luas untuk penanaman padi. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan supaya menjadikan Negeri ini kurang bergantung kepada bahan2 makanan penting yang di-impor dari luar negeri.

Di-Jabatan Perikanan, usaha2 pada memajukan sumber2 laut ada-lah di-titekatkan. Dengan datang-nya sa-buah kapal pengkajian kelak, maka potensi kawasan2 perikanan Negeri ini akan dapat di-rencanakan dengan tujuan menambah bekalan makanan yang mustahak ini serta memberikan kepada para kaum nelayan satu penghidupan yang lebih kukuh dan tertutur rapi.

Kerja2 modal ka-atas pembenaan sekolah2 sedang giat di-jalankan dengan wang yang kurang lebeh sa-banyak \$23 juta telah pun di-belanjakan pada tahun ini dan \$25 juta lagi sedang di-sediakan bagi tahun 1978. Banyak sekolah2 rendah yang telah di-dirikan dan ada-lah di-jangkakan bahawa Pusat Tingkatan Enam akan siap di-bena pada tahun hadapan. Pembenaan Maktab Latehan Perguruan juga sedang lancar di-laksanakan.

Keperluan sentiasa bertambah bagi mengadakan jalan2 tambahan dan juga bagi memperbaiki lagi jalan2 raya yang sedang di-pergunakan. Ahli2 Yang Berhormat akan mendaftari bahawa lebeh \$22 juta sedang di-sediakan untuk tahun depan bagi mengadakan jalan2 penghubung, meningkatkan taraf jalan2 raya yang sedia ada dan bagi membena sa-buah jalan besar dari Muara hingga ka-Tutong.

Kita sekarang sedang menekankan faedah yang di-perolehi daripada pembenaan Lapangan terbang Antarabangsa. Ia-nya telah di-reka-bentuk untuk mengendalikan sebarang kapal terbang yang sedang dalam pembenaan dewasa ini. Bagaimanapun usaha2 pada memperbaiki lagi kemudahan2 ini, termasuklah tempat penarohan kapal terbang, membena alor pendataran dan memasang sistem radar yang sophisticated masih di-perlukan.

Pelabohan di-Muara sedang menjalankan gerakan2 dengan sa-penoh-nya serta mengendalikan lalu-lintas yang lebeh banyak daripada di-jangkakan. Bagaimanapun kerja2 masih di-kehendaki ka-atas terusan masuk dan urusan2 perlindungan tepi pantai. Dua buah gudang di-luar sedikit dari kawasan Pelabohan telah siap di-bena sa-bahagian besar-nya dan ia-nya akan dapat memberikan kemudahan ruang lantai seluas 9,000 kaki persegi untuk pengimpor2 persendirian.

Ada terdapat juga keperluan bagi menambah bekalan2 tenaga elektrik. Rangkaian bekalan ini sedang kian meluas dan pengguna2 masa ini telah menuntut supaya di-adakan bekalan tenaga yang lebeh oleh kerana semakin bertambah-nya penggunaan jentera2 hawa dingin serta alat2 perkakas elektrik di-rumah2. Tarbin2 baru telah pun tersedia dalam tahun ini dan ia-nya akan dapat memenuhi keperluan2 yang segera serta membolehkan sambungan2 bekalan elektrik ka-kawasan2 pendalaman.

Perkhidmatan talipon di-seluruh negeri telah dapat di-perbaiki lagi dengan ada-nya Sistem Panggilan Terus di-sepanjang tahun ini. Ibu-sawat2 baru sedang di-bena dan peralatan-nya di-pasang bagi menambahkan lagi bilangan tali-antena yang terdapat ketika ini. Perhubungan2 dengan dunia luar juga akan bertambah baik apabila Stesen Satelit Bumi di-Telisei siap kelak.

Studio2 tambahan yang baru bagi Perkhidmatan Talipon sedang dalam pembenaan dan ia-nya akan dapat menyediakan

kemudahan untuk Perkhidmatan Pendidikan yang akan diperkenalkan. Alat2 pemancar Radio yang bertenaga tinggi telah di-pergunakan dalam tahun ini dan siaran FM Stereo telah juga di-lancarkan.

Kerja2 tanah bagi rumah sa-kit baru di-Kiulap telah siap dan kerja2 asas tapak bagi blok wad utama pula sedang di-selenggarakan. Dengan terdapat-nya bangunan moden kelak akan mempertingkatkan lagi peri mustahak-nya perkhidmatan sosial yang sa-umpama itu.

Projek2 bagi perumahan pegawai Kerajaan sedang lancar di-laksanakan di-sepanjang tahun ini dengan terbenanya rumah2 dan flat2 di-semua daerah. Kurang lebeh \$15 juta sedang di-sediakan bagi tujuan meneruskan sekim2 ini hingga ka-tahun depan.

Ranchangan Bekalan Ayer di-Bangar telah siap dalam tahun ini dan bekalan telah di-sambung dalam bulan Ogos. Peringkat II Ranchangan Sungai Tutong sedang lancar di-laksanakan dan ini akan menambahkan lagi keupayaan bekalan hingga 16 juta gelen sehari.

Banyak bangunan2 awam yang baru sedang di-sediakan termasuk-lah Pejabat2 Kerajaan, sa-buah Mahkamah Tinggi dan Arkib2 Negara. Kerja2 ka-atas Stadium Negara telah di-mulakan dan tawaran2 akan di-pelawa awal tahun depan bagi membuat binaan atas untuk pentas. Sa-buah bangunan tempat penarohan kereta yang bertingkat2 telah di-ranchangkan untuk melegakan kesesakan yang terdapat di-Bandar Seri Begawan pada masa ini. Dewan Raya di-Tutong dan Bangar ketika ini ada-lah dalam peringkat reka-bentuk.

Masjid2 baru dan sekolah2 Rendah Agama sedang di-dirikan di-beberapa buah tempat dan Masjid Mohammed Bolkiyah di-Muara pula sekarang sudah hampir siap. Sa-buah Pejabat Hal Ehwal Agama akan di-bena di-Bangar.

Peramba berharap, Pengiran, semoga iktisar yang serba ringkas ini akan dapat menjadi penunjuk kepada Ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan hasrat dan cita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia serta chara2 bagaimana ia-nya sedang di-laksanakan bagi kebaikan rakyat serta penduduk Negeri ini jua. Telah di-umpamakan yang Kewangan itu ada-lah suroh2an kepada Kemajuan Ekonomi dan sesungguh-nya-lah kita sangat berhasrat baik kerana dapat mengadakan kewangan tersebut tanpa melalui pinjaman2 dan mengenalkan chukait2 tambahan kepada orang ramai. Sa-bagai penjaga kekayaan yang terdapat pada masa ini kita menang-gong satu bebanan yang berat, bukan saja kepada mereka2 yang kita bertanggung-jawab pada hari ini, tetapi juga kepada orang2 yang datang selepas kita. Saya rasa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan sudah saputut-nya-lah boleh berasa bangga terhadap kejayaan2 yang telah tercapai di-masa sepuluh tahun yang lalu dan peramba sungguh berharap semoga kita akan dapat meng-nag kembali pertambahan2 dan keputusuan2 kita di-hari ini dengan kebanggaan yang sama dan tanpa sebarang waswas.

Kemasokan buroh2 luar negeri perlu di-seimbangkan

UNTOK menjaga keselamatan perbelanjaan Kerajaan dan mengelakkan kechurangan di-kalangan pegawai2 Kerajaan yang bertanggung-jawab dalam sesuatu perbelanjaan Kerajaan terutama sekali perbelanjaan yang besar2; maka ada-lah perlu Kerajaan mengadakan Undang2 Penchehah Rasuah dan di-tubuhkan badan-nya untuk mengawasi perkara ini sekali.

Kita rakyat yang bertanggung-jawab sudah tidak mahu menjadikan penyakit rasuah ini sa-bagai culture kita, dan perkara tersebut pernah di-tegaskan oleh Yang Teramat Berhormat Penasihat Umom Kebawah Duli Yang Maha

Mulia, sewaktu menyampaikan ucapan-nya di-pertandingan Musabaqah Al-Kor'an di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan, tahun lepas.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Awg Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, ketika menyampaikan ucapan penanggohan-nya di-Dewan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri, minggu lalu.

Menyentuh dengan latehan untuk melateh rakyat tempatan supaya dapat mengambil aleh peranan yang di-jalankan oleh buroh2 yang berkemahiran dari luar negeri yang sentiasa menjadi masalah ka-pada pemborong2; hendak-lah di-usahakan, bukan ha-

nya memberikan kecekapan bekerja menurut kerajinan akan tetapi latehan itu di-luaskan lagi ka-arrah penggunaan alat2 dan mesin yang lebeh menghasilkan



Y.B. Awang Abdul Latif.

kan taraf pekerjaan yang bermutu dan bernilai supaya akan dapat menyelesaikan masalah Imigeresen yang sentiasa di-khuatirkan kedatangan orang2 dari luar negeri yang dari sehari kesehari sa-makin bertambah2, jelas Yang Berhormat itu.

Kata-nya, sekatan terhadap buroh2 dari luar negeri hendak-lah juga di-kaji menurut keperluan kemajuan perkembangan negeri ini. Jangan-lah hendak-nya orang2 yang datang dari India sahaja kelihatan di-hantar balek ka-negeri mereka, sedangkan orang bangsa lain tidak terdengar khabar-nya penarekan mereka itu.

Skim padi dan usaha pa-

da membanyakkan binatang2 ternakan hendak-lah di-pesat dan di-percepatkan serta di-beri kemudahan kepada mereka yang telah menjalankan usaha sa-demikian itu, tambah-nya.

Untok mensesuaian maksud Kerajaan hendak bekerjasama dengan rakyat bumiputera di-negeri ini, Kerajaan perlu membuat peraturan memberi keistimewaan kepada bumiputera dengan mengatorkan sekurang2-nya tender yang kurang dari \$500,000.00 di-khaskan kepada bumiputera dan mengadakan modal dengan chara pinjaman dengan bunga yang rendah bagi kemudahan ka-

Lihat muka 3



MENYALAH-GUNAKAN KUASA BOLEH DI-KENAKAN HUKOMAN — Pmk. SUK

PEMANGKU Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib ketika menyampaikan ucapan penanggoan-nya menyatakan bahawa segala tegoran dan usaha yang di-lahirkan oleh ahli2 Yang Berhormat yang di-lan-

tek dalam ucapan penanggoan mereka itu merupakan kesedaran yang sa-elok-nya di-teliti dan di-siasat sedalam2-nya supaya boleh meninggalkan kesan bukan kepada sa-bilangan kecil raayat tetapi kepada negara kita 'am-nya.

Tambah-nya, mudah2an dengan ada-nya kesedaran demikian, ahli2 Yang Berhormat itu akan dapat memenohi tanggung-jawab masing2 dalam melaksanakan usaha2 yang berkebijakan terhadap negara kita dewasa ini.

Menyentuh dengan 'Undang2 Rasuah' yang telah di-timbulkan oleh beberapa orang ahli YB, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, menjelaskan masalah tersebut sudah terjawab oleh ucapan salah sa-orang ahli Yang Berhormat itu sendiri yang mengatakan bahawa kita tidak seharusnya terburu2 untuk membuat undang2, kerana menurut-nya, "Mahu untuk orang lain, mungkin rahun bagi kita", mungkin benar.

Menyatakan keraguan lain berhubung jika terdapat-nya kecurangan di-kalangan pegawai2 Kerajaan yang bertanggung-jawab, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa Kerajaan boleh menghukum sebarang orang yang terdiri dari pegawai2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pa-pa ketika ini yang menyalah-gunakan kuasa yang di-berikan kepada-nya. Perkara tersebut terdapat da-

lam Undang2 Penal Code kita.

Menggolong perbincangan lain berhubung dengan Undang2 Perlindungan Binatang Liar, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa perkara yang kita hadapi ketika ini bukan-lah menyokong suatu perkara baharu pada keseluruhan-nya, tetapi ia-nya hanya-lah untuk mengatorkan dan membina lagi perjalanan yang sememangnya sudah sedia ada.

Menurut-nya, undang2 yang sudah memang sedia berjalan kuatkuasa-nya di-Negeri Brunei pada ketika ini, ia-lah undang2 kesalahan2 kecil yang mana ada di-antara-nya syarat2 yang terkandung dalam rang undang2 perlindungan binatang2 liar ini.

Yang Berhormat itu mengharapkan dengan pengakuan dari salah sa-orang ahli Yang Berhormat supaya penduduk pendalaman tidak sibok mengenai undang2 itu, yang mana undang2 tersebut ada-lah semata2 di-tujukan untuk kebaikan dan bukan membawa kemelatan atau kesukaran.

Undang2 itu juga, jelas-nya lagi, ia-lah setakat mengawal dan memperbaiki keadaan yang terdapat pada ketika ini.

Akhir-nya rang Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, 1977 telah di-luluskan tanpa tentangan dan pindaan dan sa-orang berkechuali.



Y.B. Dato Setia Awang Abdul Rahman.

Rang Undang2 yang di-luluskan di-sifatkan sa-bagai langkah yang bijaksana

YANG Berhormat Awang Chong Seng Toh, wakil dari kawasan Tutong, menarik perhatian Jabatan Kerja Raya supaya akan dapat meneruskan serta memperhepatkan lagi usaha pada mempertingkatkan mutu dan perhubungan jalan raya yang menghubungkan Kampung Lamunin, Tasek Merimbun, Bukit Udul, Sungai Damit dan Tanjong Maya yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun.

Menyentuh mengenai Sekolah Pertukangan di-negeri ini, Yang Berhormat itu penoh yakin, ia-nya akan dapat di-perluaskan lagi demi memenohi kehendak2 perkembangan negara.

Terdahulu dari itu dalam ucapan penanggoan-nya, Yang Berhormat itu menarik perhatian-nya ia-lah mengenai Rang Undang2 Lalu-Lintas Udara, yang telah di-luluskan itu dan berharap RBA dalam usia-nya yang maseh muda itu akan mendapat taraf yang lebih tinggi dalam perkhidmatan2-nya.

Sewaktu memberikan sokongan-nya terhadap Rang Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, 1977, Yang Berhormat Awang Chong Seng Toh mensifatkan un-

undang2 tersebut ada-lah satu langkah yang bijaksana dan seharusnya di-alu2kan oleh raayat dan penduduk di-negeri ini.

Menurut-nya rang undang2 itu bukan sahaja da-



Y.B. Awg Chong Seng Toh

pat menyelamatkan binatang2 tertentu dari di-hapuskan, tetapi ia-nya juga penting untuk menanamkan perasaan sifat kasih sayang kepada binatang2.

Supaya undang2 itu tidak akan di-salah-ertikan, Yang Berhormat itu menshorkan supaya penerangan2 melalui mass-media perlu di-sebarkan dengan seluas2-nya terutama sekali kepada penduduk pendalaman supaya akan dapat mengetahui kebaikan undang2 itu.

Rang Undang2 Penjara beri faedah kapada banduan2

YANG Berhormat Pehin Dato Singamenteri, Awang Arif bin Muijun memohon kepada Kerajaan supaya menyegerakan pembayaran baksis kepada penerima2 penchen yang terdiri dari pesara2 Kerajaan. Di-samping itu, penghulu2 juga jelas-nya, harus-lah di-beri bayaran penchen apabila

bekalan letrik untuk penduduk pendalaman, kemu-dahan perubatan di-kawasan pendalaman, Sekolah Melayu Sungai Teraban dan jalan menuju mukim Labi, antara yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu dalam ucapan penanggoan-nya yang baru lalu.

Menyebutkan diri pada menyokong Rang Undang2 Penjara yang baru, Yang Berhormat itu mensifatkan undang2 tersebut bukan sahaja membaiki keadaan penjara berkenaan, akan tetapi ia-nya juga akan memberi faedah kepada banduan2 yang di-penjarakan dan dengan itu sudah nyata Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melakukan sesuatu yang sangat di-hargai bagi negeri kita ini.

Mengenai Rang Undang2 (Pindaan) Pampasan Pekerja Yang Berhormat itu menyokong kerana ia-nya sudah tentu akan menyenangkan pihak Kerajaan, majikan dan juga pekerja2 supaya segala urusan yang bersangkutan dengan-nya akan dapat berjalan dengan lancar dan semestinya.



Y.B. Pehin Dato Singamenteri Awang Arif bin Muijun

mereka itu telah tamat tempoh dalam perkhidmatan2 mereka dengan Kerajaan.

Masalah membaiki jalan kecil untuk di-buboh batu,

Ta'ziah dari Majlis

MENTERI Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah mengemukakan satu usul tanpa notis dan di-sokong dengan sa-bulat suara tanpa di-bincangkan bagi mengemukakan ta'ziah kepada balu, anak2 serta keluarga Allahyarham Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Taha, yang telah kembali ka-rahmatalah pada 9hb Januari yang lalu. Dewan Majlis juga berasa terharu dan bersedek.

Terdahulu dari itu, sa-jurus sa-telah sidang di-mulakan, Ahli2 Majlis juga telah menghadiahkan fatihah dan bertafakur sebentar bagi yang bukan Islam untuk menghormati Allahyarham. Persidangan di-tangguhkan dan di-sambong di-sebelah petangnya.

Undang2 Pampasan Pekerja sesuai dengan kemajuan hari ini

YANG Berhormat Pengiran Haji Sulaiman ketika menyokong Rang Undang2 Pampasan (Pindaan) 1977, menurut-nya, undang2 tersebut chukop memuaskan hati, bersesuaian dengan kemajuan hari ini.

Yang Berhormat itu juga melahirkan harapan-nya, supaya undang2 tersebut akan terus di-perbaiki dan di-kaji dari masa kemasama.

Ketika berucap dalam sidang penanggoan Yang Berhormat itu membawakan satu kenyataan dari Pesuruhjaya Polis Brunei, mengenai dadah di-negeri ini yang telah di-keluarkan

oleh Borneo Bulletin, mengenai terdapat-nya orang2 terlibat dalam kes tersebut. Yang Berhormat itu berharap agar langkah2 yang awal dapat di-buat, supaya perkembangan dan penggunaan dadah itu dapat di-kawal dan dengan mengenaikan hukuman2 yang tinggi atau berat kepada orang2 yang thabit kesalahan-nya.

Menyentuh kenaikan harga barang2 dan kereta di-negeri ini, Yang Berhormat Pengiran Sepiuddin mengharapkan Kerajaan patut mengawasi-nya dengan mengadakan Undang2 Pengawal Harga, supaya kenaikan harga barang2 dan ke-

reta khas-nya tidak akan di-naikkan sa-chara sewenang2.

Menjunjong izin berkechuali

Dari muka 2

pada mereka itu, tegas-nya. "Segala projek2 Kerajaan yang di-sifatkan membazir, mesti-lah di-jauhi kerana ia-nya hanya akan merugikan negara," ujar Yang Berhormat itu.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif telah menjunjong kezinzinan kepada Pengiran Speaker untuk berkechuali sewaktu membahaskan ke-

layakan dan asas Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, 1977 yang telah di-chadangkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, yang mana usul tersebut telah di-luluskan tanpa tentangan dan pindaan.

Yang Berhormat Awang Abdul Latif menhadangkan supaya undang2 terse-

but itu di-tangguhkan hingga suatu waktu yang lebih sesuai apabila ia-nya sudah benar2 di-perlukan nanti; sambil menyatakan kewahaman2-nya, antaranya: Perbelanjaan menguatkuasakan undang2 itu; Kekurangan pegawai2 yang terlatih; mata penghidupan orang2 pendalaman; banyak lagi undang2 yang mustahak dari itu dan yang berhak di-berikan lesen dalam undang2 itu.



Our picture above shows the Commissioner presenting Cadet Miss Lim Kin Fong from the Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan, a plaque.

180 more cadets sworn-in

JALAN MUARA.—A total of one hundred and eighty police cadets from six schools in Brunei / Muara and Tutong districts were sworn-in last Thursday at a ceremony held at the Police Training Centre here.

The Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengi-

ran Jaya bin Pengiran Haji Rajid officiated at the ceremony.

He also presented plaques to five school cadet units and certificates to three sergeants and eight corporals who had completed a two-week junior cadet course at the centre here.

The Director of Educa-

tion Awang Ahmad bin Haji Jumat was among those present at the ceremony.

The Brunei Police Cadet Corps formed about a year ago now has four hundred and fifty members from eight schools in Brunei / Muara and Tutong districts.



The above picture shows a group of twenty-five students of the Danau Malay School typing classes being briefed by the Manager of the Sinaut Agricultural Training Centre, Awang Shahri bin Haji Awang Besar (wearing dark glasses-extreme right) on proper ways of growing cabbage during visit to the station recently.

They also visited the Birau Agricultural Station and the Luahan/Jerudong Breeding Farm.

Bid to make prices stable

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Chairman of the Bandar Seri Begawan Municipal Board, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Dato Haji Abdullah in a bid to make the prices of fish and vegetables stable, last week held a meeting with fish-mongers and vegetable sellers at his office here.

During the meeting, Awang Chuchu advised them to be reasonable in their prices.

He also warned that the Municipal Board would not renew the licences of businessmen who seek exorbitant profits.

The chairman also told them that the fruit sellers at the Bandar Seri Begawan market would be moved to a new place soon.

He said the stalls vacated by the fruit sellers will be given to fish, egg and chicken sellers who are now on waiting list.

LEGCO MEETING ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Legislative Council ended its fifteenth session last Wednesday after meeting a total of eleven days following its official opening by His Highness the Sultan on December 22.

During the meeting the Council unanimously approved the budget estimates for this year totalling more than \$943 million.

The sum included \$160 million for the Development Fund and \$67,546,224 for miscellaneous services.

It also passed a separate resolution to apply a sum of \$208,425,703 from the Development Fund for various services and departments.

In addition it passed several other bills. Five of these were:

The Wild Life Protection Enactment 1977, The Travel Agents Bill 1977, the

Air Navigation Bill 1977, the Labour (Amendment) Bill 1977, and the Prisons Enactment 1977.

The Wild Life Protection Enactment 1977 was tabled by the Acting State Secretary Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib and aimed at protecting wild life from being hunted, captured, killed, shot at, sold or exported.

It also has a provision under which the Sultan-in-Council can declare any area in the State to be a wild life sanctuary.

Offenders are liable to a fine of five hundred dollars and three months imprisonment or one thousand dollars and six months imprisonment or two thousand dollars and two years imprisonment.

Dato Setia Awang Abdul Rahman also tabled the Travel Agents Bill 1977 which pro-

vided for the licensing of travel agents and the regulation of their operations.

Offenders under the bill are liable to a fine as high as ten thousand dollars and a prison term of three years upon conviction.

The Air Navigation Bill 1977 was moved by the Attorney-General Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.

It replaces the Air Navigation Enactment 1954 and empowers the Menteri Besar to make regulations concerning the use of Brunei's air navigational services and facilities, and the arrival and departure of aircraft and people in and from Brunei.

The Labour (Amendment) Bill 1977 was also introduced by the Attorney-General and it removes the restrictions previously placed on native workers who will now be enjoying the same number of working days as other workers as a result of the amendment.

Pengiran Bahrin also tabled the Prisons Enactment 1977 which revises the law relating to prisons and lockups and the conditions of service of prison officers.

1977/8 GOLDEN YEARS FOR BRUNEI

THE following is the second part of the budget speech delivered to the 15th session of the Legislative Council meeting by the hon'ble State Financial Officer Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

THE ECONOMIC Development Board is now processing loans for the establishment of small industries. A fund of \$15 million has been provided for this purpose, the intention being to make soft loans available to citizens for the setting up or expansion of small businesses. Hitherto such individuals have had difficulty in arranging finance through normal channels.

The Television Loans Scheme under which the Government provides interest-free moneys to a Finance Company which in turn processes loans to members of the public has been most successful. Interest at a rate of two per cent is charged to the borrowers to cover the cost of the operation. Loans totalling \$16.6 million have been made thus affording the opportunity for every home in Brunei to possess a colour Television receiver.

Royal Brunei Airlines which is wholly owned by the Government is now well into its third year of operation. Routes are gradually being extended and traffic is increasing. The Company is intent on offering a service of the highest standard, whether looked at from the technical, operational or passenger-comfort point of view. As was expected losses were incurred in the first two years of operation but it is anticipated that with gradual expansion the operation will become financially viable.

When I addressed this

Council last year I anticipated that at the end of 1977 the balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account would be Br\$4,741 million. In the event, Expenditure proved to be less than had been estimated and it now appears that the balance at the close of the year will be Br\$4,972 million.

In 1978 I estimate that Revenue will amount to Br\$2,385 million an increase of some Br\$284 million over the Revenue for the current year. Against this, Recurrent Expenditure is expected to amount to Br\$814 million and a contribution of Br\$160 million will be made to the Development Fund. The overall surplus for the year will therefore be Br\$1,411 million and the accumulated balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account at 31 December 1978 is estimated to become Br\$6,383 million.

These are the golden years for Brunei and with such a strong financial background there have been no budgetary problems. Such restrictions as it has been necessary to impose have been because of the need to avoid wasteful or nugatory expenditure and to ensure that the pattern of expenditure is dictated only by the need both now and in the foreseeable future to provide adequate and efficient Government services. It is recognised that the present high levels of income will not be maintained indefinitely or even if maintained will be offset by increased expenditure and it is essential therefore that in spending this year we also lay a sound foundation on which to build in future years.

A committee of Honourable members of this Council was appointed to review in considerable detail the requests for the expenditure in 1978 submitted by all Departments of the Government. The result of the Committee's work is embodied in the Estimates of Revenue and Expenditure for 1978 which were laid on the table earlier in this Session as Paper No. 1 and which form the bedrock on which the Supply Bill is based.

Honourable Members will note that a considerable part of the Ordinary expenditure relates to the security of the State. The Government recognises the absolute necessity of maintaining adequate forces so that the people may go about their daily business without fear of interference from subversive elements. To be efficient, security forces must be adequately equipped and trained and even a modest degree of sophistication in equipment is expensive.

Thereafter, such Government services as are needed to cater for the well-being of the peo-

ple have been amply funded. These needs cover a wide field. The social services are continually being improved and extended. In the Medical Department no expenditure has been curtailed which would save, prolong or improve human life. Pending the building of the new hospital the present buildings in Bandar Seri Begawan are inadequate but within such constraints an endeavour has been made to provide a service to high standards.

Education continues to be given free. New schools are being built and existing ones extended and improved. Primary and secondary education is now available to every child in the State and through the Government Scholarships scheme the attainment of academic and professional qualifications overseas is within the reach of all. Trades schools are now well-established offering training in the various skills required of artisans.

Honourable members will have observed increases in the cost of developing natural resources through the Agriculture, Fisheries and Forests Departments. The need to make the State self-sufficient in basic foodstuffs and to ensure that the valuable forest timber is husbanded in such a way that this form of wealth is perpetuated, remain prime objectives.

Cultural needs are taken care of through the activities of the Museums Department and the Language and Literature Bureau. The Television service now offers a form of entertainment which has hitherto not been available and the quality of sound broadcasting is being gradually improved. The Welfare, Youth and Sports Department looks after the young, the old and the needy. The standard of prowess in games and athletics is being improved by the engagement of professional coaches and through greater participation in competitive events overseas.

There are of course numerous other Departments, not so much in the public eye but which nevertheless are essential to sound and efficient government. Their requirements also are provided for and by reference to the Estimates of Revenue and Expenditure for 1978 Honourable members will be able to see the pattern of expenditure across the entire spectrum of administration, services and utilities.

Turning now to Development, Honourable members will be aware that the present five year plan envisaged overall spending of Br\$700 million. It has now been decided to increase this to Br\$760 million in order to meet rising costs and the necessary expansion of certain schemes to include items the need for which only became apparent after the schemes were started.

It is anticipated that actual Expenditure from the Development Fund in 1977 will amount to \$110 million and that the balance standing to the credit of the Fund at the close of the year will be \$85 million. The estimate of Expenditure of Development schemes in 1978 is \$208 million and it is proposed to transfer to the Fund from Revenue in 1978 a sum of 160 million. The amount available in the Fund will therefore be \$245 million and there should be a credit balance in the Fund at 31 December 1978 of \$37 million.

TO BE CONTINUED

UGAMA Islam memberikan peringatan kepada umat-nya supaya memikirkan diri dan nasib-nya, baik untuk kepentingan dunia apa lagi untuk kepentingan akhirat. Kerana sa-tiap manusia itu akan di-soal pada segala tindak tandok-nya, segala umor dan harta benda-nya, sa-bagaimana sa-buah hadith yang bermaksud : "Tidak bergerak kaki sa-orang manusia melainkan di-soal tentang empat perkara : tentang umor-nya ka-mana ia di-habiskan, tentang umor muda-nya ka-mana ia di-pergunakan, tentang harta-nya dari mana di-ambil dan ka-mana di-belanjakan dan tentang ilmu-nya di-mana di-letakkan."

Menurut maksud hadith ini, sa-tiap saat umor manusia akan di-pertanggung-jawabkan di-hadapan Allah s.w.t., akan di-tanya dan akan di-beri balasan-nya. Jika ia di-habiskan dengan amalan2 derhaka dan mak-siat, maka akan rugi-lah manusia itu, tetapi jika sebalik-nya ia di-habiskan dengan amalan2 kebajikan dan ber-buat taat, maka akan ber-untung-lah pemilek-nya yang demikian itu. Amalan2 kebajikan itu luas bidang-nya dan banyak macham-nya. Ia terdapat dalam ibadat, dalam dakwah, da-lam mempelajari agama dan dalam chara hidup yang di-redhai oleh Allah. Sa-bagaimana telah ban-yak di-sebut, dalam Semi-nar Dakwah Islamiah Be-lia yang baru2 ini berlang-

song, telah di-binchangkan banyak masaalah yang ber-kisar di-sekitar thema "Be-lia Menghayati Islam Sa-bagai Chara Hidup." Dari perbincangan2 di-sepan-jang empat hari seminar tersebut, suatu hal yang membanggakan kita ia-lah ada-nya kesedaran yang membena yang di-salurkan melalui semangat muda yang sehat, yang ingin me-lihat umat Islam di-negeri ini pada khusus-nya hidup dalam keadaan tidak meng-abaikan ugama-nya, walau dalam apa bentuk keadaan dan suasana sekali-pun. Ki-ta sedia maalom—belia2 itu ada-lah golongan yang sentiasa di-chabar, di-cha-bar oleh godaan2 dan pe-ngaruh2. Mana2 yang ti-dak tabah akan tergelinchir dan hanyut, sementara yang

kuat dan chenderong ber-tawakkal serta beriman, akan sanggup dan sentiasa tahan di-uji. Walau pun kira-nya masharakat-nya ro-sak dan mahu ia sendiri tu-rut rosak, namun ia tidak mengikut untuk rosak. Ia tetap memilih jalan yang hak, walau pun pahit, membela dan menegakkan ugama Allah, yang telah menjadi pilihan-nya yang utama, lebeh dari ia memi-leh nafsu dan kepentingan diri-nya sendiri. Ini-lah be-lia yang mahal dan tinggi nilai-nya di-sisi Allah.

Di-samping chara2 hidup yang berkaitan dengan ke-lolahan dan ibadat, juga harta benda dan kekayaan itu tidak terlepas dari di-soal, dari mana-kah kita da-pat dan dengan chara apa?

BELIA GOLONGAN TERCHABAR!

KHUTBAH JUMAAT



menjadi chalon manusia mukmin yang akan di-beli oleh Allah dengan shorga-nya sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Se-sungguh-nya Allah telah membeli dari orang2 muk-min itu diri dan harta ben-da mereka dengan shorga."

Dengan chara halal atau haram. Dan kemudian chara membelanjakan-nya juga kita di-pandu, supaya ja-ngan membelanjakan-nya di-jalan yang haram, tetapi hendak-lah kepada yang benar2 bermanfaat, saperti untuk kepentingan keluarga, persekolahan anak2, mem-bena masjid, berwakaf, ber-sedekah dan membayar za-kat, tidak saperti Firaun dan Karun mempergunakan harta mereka.

Dan akhir sekali yang di-sebut oleh maksud hadith di-atas ia-lah tentang ilmu, apa-kah ia di-pergunakan dengan betul, terutama-nya ilmu ugama. Chara

mempergunakan ilmu de-ngan betul ia-lah mengajarkan-nya kepada orang lain, menggunakan-nya dengan lisan dan perbuatan. Ilmu yang banyak ada-lah di-tuntut, sedang yang sedikit tetapi terus di-amalkan le-beh afdzal pula dari yang banyak tetapi tidak di-amalkan. Harga dan nilai ma-nusia itu di-cherminkan oleh usaha-nya. Oleh ke-rana itu, kewajiban sa-tiap kita orang Islam ia-lah mempertegoh iman dengan banyak mempelajari ugama, kerana ugama itu ia-lah jambatan kepada amal sa-leh. Hanya orang2 yang berugama sahaja yang boleh

BERDAKWAH TUGAS SEMUA

UMAT ISLAM

Bingkisan minggu ini

UMAT Islam hendak-lah membiasakan diri melakukan pekerjaan2 yang baik dan berkeba-jikan, menunjukkan ke-olahan dan kelakuan yang sesuai dengan ajaran2 Islam, kerana kita umat Islam adal-ah sa-bagai umat yang bertugas menjalankan dakwah Islamiah kapa-da umat yang bukan Is-lam, supaya mereka itu menjadi Islam, menuju jalan yang paling selamat, menurut sa-po-tong hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Islam-lah neschaya engkau selamat." Seru-an saperti ini-lah yang harus di-suarakan oleh seluruh umat Islam ka-pada umat yang bukan Islam berdasarkan kita orang Islam mesti-lah menunjukkan chara2 hidup yang di-kehen-dakki oleh ugama Is-lam.

Adalah tidak wajar, ka-lau kita orang2 Islam me-nyeru orang2 bukan Islam kepada berugama Islam se-dangkan kita orang2 Islam sendiri tidak dapat me-nunjukkan chara2 menu-naikan kewajiban dalam Islam, terutama sekali me-nunaikan kewajiban sem-bahyang, puasa, menge-luarkan zakat dan lain2. Sama-lah kita mengajar orang2 bukan Islam ka-rarah berbuat baik sedang-kan kita sendiri tidak ma-hu membuat apa yang kita suroh orang lain membuat-nya itu. Tegas-nya, kita tidak mahu di-ibaratkan sa-perti: "Ketam mengajar anak-nya berjalan lurus, sedangkan ia sendiri ber-jalan bengkok-bengkok."

Dalam tugas2 dakwah itu, suatu chara yang lebeh

baik dan berkesan ia-lah daya penarek yang ada pa-da diri kita, ia-itu dengan menunjukkan chara2 hidup yang lebeh baik dan sem-purna kepada orang2 yang bukan Islam atau orang2 yang kita berdakwah kapa-da-nya.

Chara2 hidup yang lebeh baik dan sempurna itu ha-nya-lah dengan mematohi ajaran2 Islam, kerana da-lam ajaran2 Islam itu me-liputi semua kepentingan yang di-hajatkan oleh ma-nusia. Kepentingan2 yang di-hajatkan oleh semua ma-nusia itu ia-lah memberi kepuasan kehendak2 ro-hani dan jasmani. Jalan2 yang boleh memberi kepuas-an kepada kehendak2 ro-hani dan jasmani itu ia-lah mengikuti ajaran2 Allah; mengerjakan surohan dan meninggalkan larangan-Nya. Surohan2 Allah itu ada-lah meliputi perkara2 yang baik, untuk kebaikan dan kesempurnaan kepada orang2 yang taat melaku-kan-nya. Larangan2 Allah itu pula ia-lah perkara2 yang merosakkan kehidup-an.

orang2 bukan Islam, bahn-kan mereka menjadi liar kepada seruan2 dakwah itu sekira-nya ada sa-bahagian orang2 Islam menunjukkan chara2 hidup yang kurang baik, yang bertentangan de-ngan kehendak2 ajaran Is-lam yang kita dakwahkan.

Kelakuan2, perangai atau keolahan yang bersopan santun juga ada-lah suatu perkara yang sangat pen-ting di-jaga, di-usai dan di-perbaiki, kerana kalau kita umat Islam sen-diri menunjukkan tingkah laku dan keolahan yang ku-rang sopan lebeh2 lagi kalau kelakuan atau ke-olahan itu bertentangan de-ngan ajaran2 Islam, tentu-lah yang sedemikian itu menjejaskan nama baik ugama kita di-mata orang2 bukan Islam.

Sekira-nya semua pehak yang terdiri dari umat Islam di-negeri ini sama2 menyedari hakikat dakwah Islamiah, yang bermaksud bukan-lah erti-nya berdak-wah ka-kampong2 di-negeri ini sa-bagaimana yang di-lakukan oleh pegawai2 yang khusus menjalankan tugas2 tersebut, tetapi ia-lah sama2 menyedari rasa tanggung-jawab dalam me-laksanakan perintah2 uga-ma meliputi melaksanakan apa yang di-suroh dan meninggalkan apa yang di-larang bagi menun-jukkan chontoh tauladan dan ikutan kepada orang2 yang bukan Islam. Dengan ada-nya kesedaran semua pehak itu, maka kita kira tentu-lah tidak ada sungutan2 yang timbul dari kalangan umat Islam sendiri tentang mengapa seruan2 dakwah di-negeri ini kurang menda-pat sambutan atau meng-hadapi jalan2 buntu. Ka-lau mahu bertanya, tanya-lah kepada diri sendiri ter-lebeh dahulu sa-belum ber-tanya kepada orang lain. Kerana sa-bagaimana yang di-sebutkan awal2 tadi ba-hawa tugas2 dakwah itu ada-lah tugas bersama ka-pada seluruh umat Islam.



Sambutan Maulud

SAMBUTAN Maulud Nabi Begawan dan di-Pekan tahun ini akan di-mulakan dengan perhimpunan dan perarakan di-Bandar Seri Begawan dan di-Pekan Bangar, Temburong pada 20hb Februari. Sementara di-Daerah Belait dan Tu-

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Januari, 1978 hingga ka-hari Selasa 24hb Januari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini :—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Matahari	
						Imsak	Suboh Terbit
18hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35
19hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35
20hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35
21hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
22hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
23hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
24hb Jan		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

tong pula pada hari Ahad 26hb Februari.

Ini telah di-putuskan oleh Mashuarat Jawatan-kuasa Sambutan Maulud yang di-adakan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, di-sini pada hari Isnin 9hb Januari lalu. Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Timbalan Pengetua Pega-wai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Thema Sambutan Maulud tahun ini telah juga di-persetujui ia-itu "BELIA2 PENGEMBANG SHUAR ISLAM". Thema tersebut di-maksudkan bagi mendapatkan sa-banyak mungkin kesan2 sambutan maulud tahun ini dalam hubungan tanggung-jawab belia Islam negeri ini ter-hadap ugama.

Gambar menunjukkan ma-shuarat yang membincangkan atorchara sambutan Maulud tahun ini yang di-adakan di-Bilik Mashuarat JHEU yang di-pengerusikan oleh Tim-balan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. (Gambar JHEU).

PENGKAJIAN terhadap kesusasteraan Melayu lama bukan-lah suatu perkara yang mudah. Banyak kerumitan2 dan masalaah2 yang mesti di-atasi, ada kala-nya masalaah2 itu tidak dapat di-atasi sama sa-kali. Sebab pengkajian kesusasteraan Melayu lama akan membawa kita ka-zaman animisma lagi, zaman sa-belum terdapat pengaruh Hindu. Masharakat pada zaman itu ia-lah masharakat primitif, masharakat yang rapat sa-kali hubungan-nya dengan alam sa-mesta.

Sa-bagai yang di-ke-istana. Umom-nya sastera tertulis golongan Melayu zaman dahulu istana itu menchermin-mengenal huruf dan zaman yang di-lalui oleh masharakat Melayu dalam sejarah-nya, begitu ju-sastera lisan di-menggunakan dalam pergaulan hidup mereka sa-hari2 berbagai perkara ini. Tetapi da-gubahan bahasa yang yat nyata menunjokkan pemupukan unsor2 kebudayaan yang baru terdapat pada golong-an2 yang hidup jauh terpenchil dari dunia biasa, dalam pengala-man2 mereka mengajir dan mendidek anak2 kechil dan lain2-nya, maka timbul-lah ber-bagai2 bentok sastera raayat. Di-antara-nya bidalan, peribahasa, kiasan, gurindam, pan-tun dan sa-bagai-nya.

Kerana ada-nya fak-tor2 tersebut, selalu di-perkatakan orang ba-hawa chorak kesusas-teraan yang paling tua sa-kali ia-lah kesusas-teraan raayat atau li-san. Kesusasteraan ra-ayat di-katakan chorak kesusasteraan yang ter-tua sa-kali ia-lah kera-na sa-belum sa-suatu bangsa itu mengenal dan pandai ilmu tulis menulis, mereka me-nyatakan buah fikiran yang terbit pada akal, cherita2, perasaan hati, kesimpulan pendapat, semua-nya di-sampai-kan dengan jalan lisan sahaja. Tetapi apabila sa-suatu bangsa atau masharakat itu sudah mengenal dan pandai ilmu tulis menulis, na-mun kesusasteraan li-san maseh hidup lagi dalam masharakat itu. Biasa-nya kedua cho-rak sastera itu sa-lari; satu golongan mashara-kat menghasilkan sas-tera lisan.

Dalam bidang peng-kajian kesusasteraan Melayu lama, kesusas-teraan lisan itu di-kata-kan penghasilan sastera di-kalangan raayat, se-mantara tradisi tertulis itu pula di-katakan penghasilan golongan

Mengkaji dari usa-ha2 yang di-lakukan oleh ahli2 penyelidek, kita mendapati ke-susasteraan raayat Me-layu jauh berbedza de-ngan kesusasteraan2 ra-ayat bangsa asing sa-mada dalam segi ber-bentok cherita, chiri, chorak pemikiran mau pun isi-nya. Hal ini bo-leh berlaku ia-lah ke-nya soal keadaan se-itu pula di-katakan keliling yang sa-rupa dan kehendak2 hidup

KESUSASTERAAN RAAYAT

Oleh: IDRIS ABDUL GHANI

Siri pertama

yang sa-rupa mung-kin melahirkan cherita yang sama, terutama cherita yang bermotif binatang dan cherita2 penglipor-lara;

Untuk menunjokkan persamaan dalam bentok cherita mau pun isi-nya, saya bawaan beberapa chontoh che-rita yang selaku kita dengar tentang bagai-mana Belanda menda-pat tanah. Menurut cherita-nya, semasa orang Belanda mula sampai, mereka minta hendak membeli tanah kapada orang Melayu sa-luas belulang. Teta-pi apabila permintaan mereka di-terima, lan-tas mereka pun tidak berlengga2 lagi meng-gunting belulang itu kechil2 di-buat sa-be-sar tali pinggang, ke-mudian menyembong-kan-nya satu demi satu sa-hingga tanah yang di-ukor-nya itu luas-nya mengikut ling-kongan kulit itu.

Cherita yang lain pula berlaku di-Ameri-ka Utara di-kalangan orang "Red Indian", juga berhubung de-ngan orang2 Peranchis membeli tanah. Konon-nya mereka pada mu-la-nya chuma hendak membeli tanah sa-luas sa-buah kerusi.

Sa-baik sahaja per-mintaan mereka di-luluskan, mereka pun mula-lah merombak si-ratan tali yang ada pa-da kerusi itu dan me-nyambungkan-nya, ke-mudian melingkarkan-nya sa-luas tanah yang dapat melingkongi oleh tali itu.

Cherita yang sama juga kita dapati di-daerah alam Melayu ini. Sa-orang anak ra-ja di-Pulau Bali telah meminta orang2 di-daerah itu supaya me-nanam bangkai kuda-nya yang telah mati. Anak raja itu berjanji akan menghadihkan

Petikan dari PELITA,
BRUNEI, keluaran
TAHUN 15, bilangan
7, 25hb Februari, 1970.

tanah sa-luas sampai mana terbau-nya bang-kai kuda itu. Apabila mendengar janji anak raja itu, beberapa orang di-antara mereka itu pun bermashuarat akhir-nya mereka ber-setuju, sa-belum di-tanam, daging bangkai kuda itu di-potong2 dan di-champakkan ka-merata2 tempat yang jauh. Akhir-nya mere-ka memperoleh tanah yang luas di-sebabkan ada-nya bau ketul2 da-ging yang di-serakkan itu.

Memerhatikan kapa-da ketiga2 cherita ter-sebut, dapat-lah kita membuat kesimpulan bagaimana persamaan-nya cherita2 rayaat di-kalangan bangsa2 di-dunia ini. Hasil penye-lidekan menunjokkan faktor2 utama-nya per-samaan itu ia-lah; ke-padaan sekeliling yang sa-rupa telah menim-bulkan chorak pemi-kiran cherita2 yang sa-rupa.

Hasil dari kajian yang di-lakukan me-nunjokkan chorak ke-susasteraan raayat yang tertua sekali ia-lah cherita2 yang me-nerangkan asal-usol perkara2 dan benda2 yang berkait rapat de-ngan kehidupan manu-sia, ini ada-lah meli-puti keperchayaan, ke-jadian alam, mithal-nya



bagaimana terjadi-nya sungai, atau bagaimana terjadi-nya manusia, tumbuh2an saperti po-kok jagong, keladi atau pun kejadian saperti guroh, gempabumi, hu-jan dan sa-terus-nya.

Cherita asal-usol ini menjadi keperchayaan dan keperchayaan ini sama erti-nya dengan keperchayaan ugama yang kita ketahui se-karang. Kita sendiri tahu bahawa hidup ki-ta berkehendakkan sa-suatu yang harmoni yang sa-imbang dengan chorak hidup kita sen-diri. Jadi cherita2 ini memberikan suatu ala-san yang dapat di-teri-ma mengenal ujud-nya sa-suatu benda. Soal lojik dan batasan da-lam keperchayaan-nya, tetapi apabila keper-chayaan2 itu di-ambil aleh oleh pegangan ke-perchayaan ugama2 sa-perti Ugama Hindu, Budha dan Islam, ma-ka keperchayaan2 itu dengan sendiri-nya mu-la menurun lalu men-jadi cherita2 itu di-perchayai benar-nya, tetapi tidak-lah lagi merupakan pegangan keperchayaan, malah sa-tengah2 orang me-nganggap sa-bagai che-rita dongeng sahaja.

Dalam golongan che-rita2 asal-usol itu ter-dapat juga cherita2 yang menerangkan ba-gaimana terjadi-nya gunung, mithal-nya Gu-nong Jerai, konon asal-nya Gunong Jerai ini ia-lah sa-buah kapal yang membawa puteri Gerai, Bukit Perak ada-lah sa-orang anak raja Perak dan Gunng Tegal yang dudok-nya antara kedua gonong itu jadi ada-lah pen-damai alam perbelahan antara tuan puteri dan anak raja itu. Tetapi ketiga2-nya telah men-jadi batu bila di-tegor oleh Sang Gedembai. Begitu juga dengan tempat Samudra dan Pasai. Samudra konon-nya berasal dari semut yang besar dan Pasai di-hubungkan dengan kesah pelandok puteh menendang anjing Me-rah Sila (Malikus-Sal-leh) yang bernama Pasai.

(Bersambung)


Kelas2 S.P.S. dan S.R.P.

SUNGAI HANCHING. — Sekolah Melayu Sungai Hanching di-Jalan Muara akan mengadakan kelas2 dewasa Sijil Pelajaran Si-ngapura dan Sijil Rendah Pelajaran Brunei. Mereka yang berhajat untuk mema-soki kelas2 tersebut boleh-lah menghubungi Pen-yelia Kelas Dewasa atau Guru Besar sekolah tersebut dari 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari semasa sekolah di-buka.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 23hb. hingga 26hb. Januari, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA	
Berakas English School (Bahagian Rendah)	2.00- 3.00	petang	23.1.1978	Isnin
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	3.30- 5.30	"	23.1.1978	Isnin
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	8.30- 9.30	pagi	24.1.1978	Selasa
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	10.30-11.30	"	24.1.1978	Selasa
Sekolah Melayu Dato Ganti	8.30- 9.00	"	25.1.1978	Rabu
Sekolah Melayu Serasa	10.00-10.30	"	25.1.1978	Rabu
Sekolah Melayu Mentiri	10.45-11.15	"	25.1.1978	Rabu
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	11.30-12.00	T/hari	25.1.1978	Rabu
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	3.15- 4.15	petang	26.1.1978	Khamis
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara	4.30- 5.30	"	26.1.1978	Khamis

LUMBA BASIKAL MENGUJI MASA SA-CHARA BERPASOKAN




BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei akan menganjorkan perlumbaan basikal, menguji masa sa-chara berpaskan yang akan di-langsungkan pada 29hb Januari ini. Perlumbaan sa-jauh 100 kilometer itu akan di-sertai oleh pelumba2 basikal dari

seluruh negeri ini dan akan di-langsungkan di-Jalan Su-bok di-sini.

Persatuan tersebut juga akan merancang untuk mengadakan perlumbaan sa-perti itu sekurang2-nya sa-banyak enam kali sa-tahun, dengan harapan untuk mempertingkatkan lagi mu-tu perlumbaan dan pelum-

ba2 basikal tanah ayer ka-taraf antarabangsa.

Butir2 lanjut mengenai perlumbaan tersebut boleh-lah di-perolehi dari seka-rang, dari Awang Azahari bin Mohd. Ali di-alamat RTB atau dari Pengiran Haji Mohammad bin Pg Haji Chuchu, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



Insportation



AHLI2 PERSATUAN AUTOMOBIL LAWAT PADANG MINYAK

SA-RAMAI 30 orang ahli2 Persatuan Automobil Bru-nei yang di-Ketuai oleh Yang Dipertua-nya, Awang Osman bin Omar telah mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell Bru-nei Berhad. Dalam lawa-tan mereka minggu lalu itu, mereka telah di-berikan

penerangan oleh Pemangku Pegawai Perhubungan Per-dagangan, Awg Sharif bin Haji Naweh.

Satu pertunjukkan filem mengenai penggalian mi-nyak telah juga di-tunjok-kan sa-belum pelawat2 ter-sebut melawat di-sekitar pa-dang minyak di-Seria. La-

watan itu ada-lah lawatan yang pertama bagi Persa-tuan Automobil Brunei. Gambar atas memperlihat-kan rombongan persatuan itu telah di-berikan penera-ngan oleh pegawai ber-kenaan manakala gambar di-sebelah kiri, mereka di-bawa melawat ka-Padang Minyak Seria.

Pasokan Sparton 'A' johan bolasepak 7 sa-pasokan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pasokan SPAR-TON 'A' dari Kampong Sa-ba Tengah, Kampong Ayer, telah menjadi johan dalam perlawanan bolasepak tujuh orang sa-pasokan yang telah di-langsungkan di-Padang SMJA, pada 26hb Disem-ber yang lalu.

Perlawanan bolasepak tu-joh orang sa-pasokan itu terbuka kepada belia2 ber-umur 17 tahun ka-bawah bagi belia2 yang tinggal di-Kampong Ayer sahaja.

Sementara naib johan dalam perlawanan itu ia-lah pasokan New Diamond 'B' dari Kampong Saba Laut dan tempat ketiga ia-

lah Kampong Lurong Si-kuna.

Hadiah2 telah di-sampai-kan oleh Awang Pulau bin Terudin.

Johan dalam perlawanan itu telah menerima sa-buah Oskar yang telah di-hadiahkan oleh belia2 Kam-pong Saba.



Gambar di-atas menunjukkan Pasokan SPARTON 'A' yang telah menyandang sa-bagai johan dalam perlawanan bolasepak tujuh orang sa-pasokan, bergambar bersama2 oskar kemenangan.

KAN-HAL KITANI...

- * Ka-mana kita minggu ani 'Ngah ?
- † Inda ka-mana2, 'Wang.
- * Baik-tah kitani memu-kat.
- † Ombak kuat, 'Wang.
- * Jangan memukut ka-laut, di-sungai saja.
- † Baik-tah, inda dapat lauk basar, lauk damit baik-tah jua.

Tarikh penutup

pendaftaran perlawanan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Ada-lah di-faham-kan bahawa tarikh penutup pendaftaran perlawanan Rentas Desa bagi sekolah2

rendah, menengah bawah dan menengah atas ia-lah pada 4hb Februari, 1978 jam 4.00 petang.

Sementara tarikh penu-top perlawanan bolasepak kumpulan 'C' bagi mene-ngh bawah dan menengah atas dan sekolah2 rendah, pada hari Sabtu 4hb Feb-ruari depan jam 4.00 pe-tang.

Pusat Pendaftaran bagi perlumbaan Rentas Desa se-kolah2 rendah ia-lah: S.M. Laila Menchanai (bagi se-kolah2 Brunei I); Brunei II Sekolah Melayu Sengku-rong; Brunei III S.M. OKBI, Subok; Temburong, S.M. Puni; Tutong I S.M. Lamunin; Tutong II S.M. Lubok Pulau dan Belait S.M. Mohd. 'Alam, Seria.

Bagi sekolah2 menengah bawah ia-lah: Brunei/Mua-ra, SMM. SMJA; Tembu-rong, Satu Petandbiran den-gan sekolah2 rendah (SM Puni); Tutong, Satu pen-tadbiran dengan sekolah2 rendah dan Belait, Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Menengah atas: Sa-ne-geri, Pejabat Pelajaran dan Bahagian Jasmani Daerah.

Jawatankuasa PAPP bagi 1978 1979

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jawatankuasa ter-tinggi Persatuan PAPP, Kampong Sultan Lama bagi tahun 1978/1979 te-lah di-pilih dalam satu mashuarat agong persatuan tersebut baru2 ini. Mereka itu terdiri dari: Penasihat, Ketua Kampong Sultan La-ma, Awang Haji Omar bin Duah; Yang Dipertua, Awg Sulaiman bin Puteh; Tim-balan Yang Dipertua, Awg Abdul Rahman bin Haji Naim; Setia Usaha Agong, Awg Ismail bin Haji Naim; Timbalan Setia Usaha Agong, Awg Jaibi bin Abd. Wahid; Pengerusi, Awg Mohd Zain bin Haji Omar; Bendahari Agong, Awg An-nuar bin Haji Mohd Tahir; Timbalan Bendahari Agong, Awg Tahir bin Bakir; Seksi

Sokan dan Permainan, Awg Zainal bin Hussain; Seksi Kesenian dan Kebudayaan, Awg Alias bin Haji Omar; Seksi Kebajikan, Awg Haji Salleh bin Lakim; Seksi Pertukangan, Awg Jumat bin Bulat; Seksi Wanita, Pengiran Amas bin Pg Chu-chu; Timbalan Seksi Wani-ta, Dayang Azizah bte An-nuar.

Jawatankuasa: Awang Mohd. Salleh bin Chabang, Awg Aji bin Jalil, Awg Ta-ha bin Jambol, Awg Mun-til bin Tengah, Awg Shair bin Abu Bakar.

Juru Odit: Awang Hali-din bin Ahmad, Awg Ha-mid bin Haji Abdul Rah-man.

Juru Tulis: Awang Jaibi bin Abdul Wahid.

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

RABU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran Selingan; 10.30—Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00—Tahu kah awda (SU)—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Apa kata mereka; 1.30—Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Permintaan parajurit; 7.36—Mutia Hikmat—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Belia zaman ini; 9.00—Hiboran pilehan; 9.30—Dongeng purba (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Dendang sa-irama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Taman Mekar (SU); 11.00—Salam dari ku (SU); 11.30—Rampaian irama. T/HARI: 12.00—Selingkar Madah; 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Lagu2 Melayu asli; 1.30—Iklan Radio. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Rampaian di-senja—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.30—Binekisan hari ini. MALAM: 7.00—Hidayat; 7.30—Permainan gambus—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (SU); 9.00—Sandiwara Radio (SU); 9.30—Hiboran malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30—Dunia pelajar/pelajaran dewasa di-udara; 9.00—Apa pilehan awda; 9.30—Tafsir Al-Koran; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30—Kursus Al-Koran; 11.00—Dari maikropon radio/foram di-udara; 11.30—Hidayat (SU). T/HARI: 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15—Irama padang pasir; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Selingan irama; 2.00—Belia zaman ini; 2.30—Dari bintang ka-bintang; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Kursus di-radio; 3.30—Mutia Hikmat

SUSUNAN RANCHANGAN

MINGGUAN

RADIO

ISNIN

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Sain dan perusahaan (BBC); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Suara parajurit (SU); 11.30—Senandung irama. T/HARI: 12.00—Brunei Darussalam (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Keluarga jaya (SU); 1.30—Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran di-senja; 6.15—Irama padang pasir—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Arena sokan (SU); 7.30—Keluarga Si-Awang (SU)—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Bertuturan 8.45—Untok kaum tani (SU); 9.15—Serbanika persembahan; 9.45—Hiboran malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Soalan di-udara/apa pendapat awda (SU); 8.15—Dendang antarabangsa; 9.15—Majallah Commonwealth; 9.30—Apa pilehan awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Selingan irama; 10.30—Kursus di-radio (SU); 11.00—Hiboran pilehan; 11.30—Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30—Hiboran rampaian tengah hari—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.30—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu lama; 6.15—Irama padang pasir—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Chitra irama (SU); 7.30—Bertuturan (SU); Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Selingkar Madah (SU); 9.00—Foram di-radio/dari maikropon radio; 9.30—Lagu2 Melayu asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Harian Radio (SU); 7.45—Dendang Suria; 8.00—Majallah Radio/Meninjau Sambil Lalu; 8.30—Mari berpantun; 9.00—Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Permainan Pancharagam; 11.00—Dunia Wanita; 11.30—Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00—Sandiwara radio; 12.30—Rampaian tengah hari—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Pesta ria; 1.30—Bualan minggu ini. PETANG: 2.00—Mutika; 2.30—Tahu kah awda; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Dongeng purba; Azan untuk fardhu Asar; 3.45—Arena sokan; 4.15—Keluarga jaya 4.45—Cherpen dan selokan-nya (SU); 5.15—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama senja; 6.15—Persembahan aneka instrumental—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Suara parajurit—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Apa kata mereka; 9.00—Brunei Darussalam; 9.30—Mari berzikir; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandung ria; 10.30—Serbanika Persembahan (SU); 11.00—Majallah radio meninjau sambil lalu; 11.30—Pusparagam; T/HARI: 12.00—Cheramah minggu ini; Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Persembahan ku; 1.30—Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Bualan minggu ini (SU); 7.30—Salam dari ku—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untok Pasokan Pulis Diraja; 9.00—Sajak dan irama (SU); 9.30—Senandung Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

Sajak dan Irama

AWDA ikuti pada hari Ahad 22hb Januari, jam 12.00 tengah hari.

APA PENDAPAT AWDA

AWANG Guan bin Atau, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Chawangan Tutong, Brunei telah berjaya mendapat tempat pertama dalam Ranchangan Apa Pendapat Awda yang telah di-siarkan pada 13hb Januari yang lalu.

Pendapat Awang Guan di-bawah tajok "Para Belia Adalah Ejen2 Dakwah Islamiah" ada-lah seperti berikut:—

BELIA ia-lah golongan generasi muda yang bersemangat serta bersifat cerdas dari segi fizikal dan mental. Belia2 juga ada-lah sangat2 berpengaruh kepada masyarakat-nya.

Jadi memang-lah tidak dapat di-ketepikan, bahawa para belia ada-lah memainkan peranan penting di-dalam perkembangan ajaran2 Islam, kerana kaum belia merupakan satu kumpulan tenaga yang boleh bergerak chergas di-dalam memperluaskan penyiaran ajaran2 Islam.

Sa-lain daripada itu, kaum belia juga ada-lah sentiasa berdamping rapat dengan masyarakat sekeliling-nya, maka oleh yang demikian semua kegiatan2 belia ada-lah akan menjadi perhatian umum, terutama di-dalam kegiatan2 yang berkebakikan, seperti mengadakan pesta2 keugamaan, majlis2 perbinchangan, mengadakan kelas2 bimbingan kepada saudara2 baru, menghormati kaum yang lebih tua serta bersopan santun dan berbudhi pekerti yang tinggi.

Maka dari keterangan2 yang di-atas itu, maka nyata-lah sekarang bahawa perkembangan Islam di-sa-sebuah negara itu ada-lah kerana kaum belia merupakan urat nadi kepada bangsa dan negara-nya.

Jadi memang-lah benar bahawa para belia itu ada-lah ejen2 dakwah Islamiah.

"APA PILEHAN AWDA"



PESERTA yang akan di-undang untuk memilih lagu dalam ruangan hiboran "Apa Pilehan Awda" minggu ini ia-lah Dayang Zainab binte Duraman, Berek Hospital, Jalan Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Lagu2 pilehan Dayang Zainab akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 20hb Januari, jam 9.00 pagi.



Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 18HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
 - 6.32 AZAN MAGHRIB
 - 6.36 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS "Sea of Cortez"
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 RICH MAN, POOR MAN
Satu cerita berkenaan dengan dua adik beradek yang bergaduh untuk mengambil perhatian orang tua mereka. Dan sa-lepas perang dunia I, bermula-nya dua puluh tahun "Odyssey" yang berakhir dengan kejayaan, kekayaan dan kuasa pada sa-orang dan di-ambang kemusnahan kepada yang satu lagi.
 - 8.00 THE TOP SECRET LIFE OF EDGAR BRIGGS "The Appointment". Briggs serta kumpulan-nya di-tugaskan untuk menjaga keselamatan Sir Donaldson yang akan di-lantik sa-bagai orang kanan pejabat luar negeri.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
Majlis Perbingan malam ini akan menimbulkan seni drama di-zaman Bangsaawan hingga ka-zaman pentas, radio dan filem.
 - 9.15 PERLAWANAN GUSTI
 - 10.30 SHOW OF THE WEEK : Morecambe and Wise Show
 - 11.20 SIARAN TAMAT.

MALAM

- 7.10 THE HIGH CHAPARRAL
"A Quiet Day in Tuscon"
- 8.00 PLAY SQUASH JONAH'S WAY "The Service"
Satu siri baru untuk menunjukkan chara2 demi untuk memperbaiki permainan squash bersama Jonah Barrington yang pernah menjadi Johan squash dunia sa-banyak enam kali.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
Cherita bertajok, "Pak Pandir Moden".
- 11.15 SIARAN TAMAT.



Peter Strauss (kiri), Susan Blakely dan Nick Nolte (kanan) yang membintangi siri "Rich Man, Poor Man."

JUMAAT — 20HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 MURAI
 - 6.32 AZAN MAGHRIB
 - 6.36 SKIPPY THE BUSH KANGAROO
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 THE BLACK AND WHITE MINSTREL SHOW
Siri terakhir dalam ranchangan ini. Dick Emery dengan pelbagai watak-nya bersama aksi undangan-nya.
 - 8.00 THE DICK EMERY SHOW
Dick Emery dengan pelbagai watak-nya bersama aksi undangan-nya.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 SEKITAR TANAH AYER
 - 9.05 TRIBAL EYE "Sweat of the Sun"
 - 10.00 MYSTERY MOVIE : Columbo "Now You See Him"
Di-bintangi oleh Peter Falk selaku Lt. Columbo.
 - 11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU — 21HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 SESAME STREET
 - 6.34 AZAN MAGHRIB
 - 6.38 SESAME STREET — sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 STARKY AND HUTCH
 - 8.00 MUSIK DARI STUDIO B
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 PANCHAINDERA
Ranchangan yang terakhir. Kali ini pasokan2 yang mengambil bahagian ia-lah: Kumpulan Seni Tari Kampong Anggerak Desa dan Jalan Ong Sum Ping.
 - 9.15 BINTANG BOLA SEPAK
 - 10.05 TAYANGAN MALAM SABTU : "Don't raise the bridge, lower the

river". Di-bintangi oleh Jerry Lewis, Jacqueline Pearce dan Terry Thomas, satu cerita yang mengesahkan bagaimana orang2 Amerika yang ingin kaya dengan chepat-nya, yang tinggal di-London.

11.35 SIARAN TAMAT.

AHAD — 22HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 NEW SCOOBY DOO
"The Guresome Game Of Gator Ghoul".
 - 6.34 AZAN MAGHRIB
 - 6.38 DON'T ASK ME
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 SIX MILLION DOLLAR MAN
"Dark Side Of The Moon"
 - 8.00 WILDLIFE IN CRISIS.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 MUTIKA
 - 9.15 HARD TIMES — Episode pertama
Memulakan satu ranchangan empat siri dari nobel Charles Dickens yang kurang terkenal. Di-bintangi oleh Patrick Allen, Timothy West dan lain2.
 - 10.15 LIFE GOES TO THE MOVIES — Bahagian pertama. Satu ranchangan yang mengandungi tiga bahagian, berpusarkan sejarah Hollywood selama 36 tahun dari terbit-nya Life Magazine pada 1936 hingga terbitan yang terakhir pada 1972.
 - 11.15 SIARAN TAMAT.

ISININ — 23HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES "Tunnel Of Fear"
 - 6.34 AZAN MAGHRIB
 - 6.38 BIG BLUE MARBLE
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 CHARLIE'S ANGELS — "The Big Tap Out"
Charlie's Angels telah dapat memusnahkan tipu helah sa-orang perjudi-penchuri dalam siri ini.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.00 THE PATRIDGE FAMILY
"Dora, Dora, Dora"
Memulakan satu siri baru keluarga Patridge menyedari bahawa mereka mesti menolor2 sa-orang perempuan chantek yang tidak boleh men2anyi.
 - 8.45 BOLA SEPAK
 - 9.15 SERIKANDI
 - 9.45 HAWAII FIVE O
"Charter for Death" Sa-orang pelarian-jenayah dari Corsica chuba untuk mendapatkan tempat terletak-nya bag Margaret yang mengandungi wang sa-banyak lima juta ringgit.
 - 10.05 POLDARK
Ross telah di-dapati tidak bersalah terhadap tuduhan2-nya dan keluarga Warleggan marah. Kedudukan kewangan Ross merosot dan Demelza ingin menolong-nya.
 - 10.55 SIARAN TAMAT.

SELASA — 24HB. JANUARI,

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 SESAME STREET
 - 6.34 AZAN MAGHRIB
 - 6.38 SESAME STREET — Sambongan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS
 - 8.00 HOLMES AND YOYO
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 SEKITAR TANAH AYER
 - 9.05 KOJAK "Another Gypsy Queen"
Sa-orang ratu gypsy telah menggunakan Kojak dalam perchubaan-nya untuk mengesan sa-orang lelaki yang di-ditangkap-nya bertanggong-jawab membunuh orang2 gypsy.
 - 9.55 LUKE'S KINGDOM
"The Prisoners". Luke tidak senang kerana adek perempuan-nya berkahwin dengan Lt. Elliot, dan berchadang untuk bergerak menuju ka-arab barat lagi. Ini-lah episode terakhir dalam siri ini.
 - 10.45 SIARAN TAMAT.

RADIO

ENGLISH PROGRAMMES

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down; 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down; 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — The Tintner Lectures; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sports Ma-

gazine; 11.15 — Tajul Ahmad Calling On You PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45 — Our Brunei (repeat); 1.00 — Close Down; 8.00 — Opening Announcement — Talking About Music; 8.30 Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Frank Muir Goes Into "Lust"; 10.15 — A Date with . . . ; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00 — The Ken Dodd Show (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture — Key To Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top Of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour; 11.30 — Top Of The Pops (Repeat). NOON: 12.00 — Frank Muir Goes Into "Lust" (Repeat); 12.30 — News;

12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Early Hancock; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Concert Hour presented by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Early Hancock (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Sixty-Minute Theatre: "The Fall and Rise of Big Arthur" by T. D. Webster; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Todd Rudgren 'S' Side I"; 8.30 — It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

TENDER NOTICES DEPARTMENT ELECTRICAL

TENDER No. 1(IW)/78

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei, from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 14th February, 1978 for the following:—

INTERNAL ELECTRICAL INSTALLATION FOR STANDARD MOSQUE FOR KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"INTERNAL ELECTRICAL INSTALLATION FOR STANDARD MOSQUE FOR KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, BRUNEI."

TENDER No. 2(IW)/78

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei, from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 14th February, 1978 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 10 BLOCKS OF 2 UNIT CLASS 'G' QUARTERS R.B.M.R. CAMP, TUTONG.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION 10 BLOCKS OF 2 UNIT CLASS 'G' QUARTERS AT R.B.M.R. CAMP, TUTONG."

TENDER No. 3(IW)/78

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei, from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 14th February, 1978 for the following:—

